

# **PENEMPAHAN PAKEJ UMRAH BERASASKAN APLIKASI WEB E-JAWLAH DAN PENGURUSAN DATA BERASASKAN APLIKASI WEB AMS**

Muhammad Irfan Nizar bin Anuar

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Shanudin Zakaria

*Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Aplikasi web E-Jawlah merupakan satu sistem penempahan pakej umrah buat umrah Islam yang ingin mengerjakan umrah. Tujuan sistem ini dibangunkan untuk dijadikan sebuah platform untuk syarikat-syarikat agensi umrah mendaftar syarikat mereka dibawah E-Jawlah. Aplikasi web ini turut dibangunkan dengan E-Jawlah AMS yang merupakan sebuah sistem untuk pengurusan data untuk kegunaan pentadbir dengan lebih efisien dan efektif. Sistem ini juga dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP di dalam kerangka Laravel serta HeidiSQL sebagai pangkalan data. Kajian ini dilaksanakan berasaskan hasil pemerhatian dan kaji selidik terhadap beberapa sistem sedia ada. Sistem ini dibangunkan dengan beberapa fungsi tambahan seperti cetakan inouis dan enjin pencarian yang mengoptimumkan pemprosesan maklumat.

## **1 PENGENALAN**

Umrah merupakan ibadah yang dijalankan oleh umat Islam. Malaysia mencatatkan jumlah bilangan penganut Islam berbanding agama lain. Terdapat beberapa syarikat agensi umrah yang sudah ditubuhkan bagi memudahkan urusan umat Islam di Malaysia. Hampir 15,000 jemaah Malaysia yang dianggarkan untuk mengerjakan umrah pada setiap tahun. Melalui penubuhan tersebut, pelbagai syarikat lain seperti agensi pengangkutan dan syarikat hotel sudah mula berkolaborasi untuk menyediakan perkhidmatan masing-masing bagi tujuan perniagaan. Satu pertubuhan telah ditubuhkan iaitu Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji pada 18 Jun 2015.

## **2 PENYATAAN MASALAH**

Aplikasi web yang sedia ada dibangunkan dengan perisian yang lama. Ini menjadikan sistem tersebut tidak efisien dan efektif dari sudut penggunaan dan penyelenggaraan. Sistem sedia ada tidak disediakan kemudahan cetak invois dimana pelanggan tidak dapat menyimpan rekod tempahan. Kebanyakan sistem hanya tertakluk dengan pakej umrah masing-masing. Perkara ini menyukarkan pelanggan untuk membuat perbandingan harga. Pelanggan juga tidak dimaklumkan tarikh yang kosong semasa membuat penempahan dan demikian perlu menghubungi pihak syarikat tersebut untuk maklumat lanjut. Sistem sedia ada juga tidak disediakan dengan pengurusan maklumat untuk pentadbir dimana mereka perlu mengakses pangkalan data dan mengemaskini secara manual. Ia menyebabkan kerumitan dan keukaran yang timbul untuk memahami sistem manual tersebut. Pentadbir tidak dapat merujuk semula rekod tempahan pelanggan serta maklumat pelanggan yang berdaftar.

## **3 OBJEKTIF PROJEK**


Projek ini bertujuan memperkenalkan aplikasi web penempahan pakej umrah kepada umat Islam yang ingin mengerjakan umrah dan sistem pengurusan kepada pentadbir. Secara umum objektif kajian adalah menghasilkan aplikasi web yang efisien dan efektif berbanding sweb sedia ada. Aplikasi web ini mampu menghasilkan kualiti terhadap proses penempahan pakej umrah.

Kertas ini membincangkan tentang pembangunan aplikasi web dan menjelaskan bagaimana ia berfungsi. Penempahan pakej umrah secara atas talian dan pengurusan maklumat yang dilakukan oleh pentadbir. Tempahan pakej umrah yang dibuat oleh pengguna akan direkodkan dalam pangkalan data

yang disediakan tanpa membebankan kedua-dua pihak untuk sentiasa berhubung untuk tujuan pengesahan.

#### 4 METODOLOGI

Metodologi ialah satu set panduan lengkap yang mengandungi model, kemudahan peralatan dan teknik yang perlu diikuti dalam melaksanakan setiap aktiviti dalam pembangunan aplikasi sistem ini. Dalam membangunkan aplikasi web E-Jawlah, model waterfall atau model air terjun telah digunakan dalam membangunkan sistem ini. Terdapat lima fasa dalam metodologi ini iaitu fasa perancangan, fasa analisi, fasa reka bentuk, fasa pembangunan dan implementasi dan fasa pengujian. Walaupun setiap fasa direka sebagai berjajukan, namun ada sebahagian aktiviti yang boleh dilaksanakan secara linear daripada satu fasa ke fasa yang lain. Rajah 3.1 menunjukkan fasa yang terlibat dalam metodologi kitar hayat pembangunan sistem.



## Rajah 4.1 : Model Air Terjun

**4.1 Fasa Perancangan**

Langkah pertama yang perlu dilakukan dalam membangunkan sesuatu sistem ialah perancangan sistem. Perancangan projek adalah perlu dalam menentukan keperluan sumber dan jangka masa projek di mana satu rangka kerja yang membolehkan pembangun membuat beberapa anggaran yang akan dihasilkan. Pada fasa ini, segala maklumat internet, jurnal, artikel dan banyak lagi supaya pembangun sistem lebih jelas dengan skop projek. Selain itu, pembangun sistem perlu juga mencari beberapa sistem untuk dikaji terutama berkaitan agensi umrah. Dengan itu, pembangun sistem akan mendapat gambaran yang lebih jelas dan terperinci untuk sistem yang bakal dibangunkan.

**4.2 Fasa Analisis**

Fasa kedua ialah fasa analisis yang melibatkan analisis keperluan sistem yang dibangunkan. Fasa ini melibatkan kajian dan perancangan pembangunan sistem dan projek. Ia juga akan menerangkan tentang sistem sedia ada seperti perbandingan aplikasi web Alfajr travel dan PDC travel agar dapat membangunkan aplikasi web E-Jawlah yang memenuhi keperluan pengguna. Data dan maklumat yang telah dikumpul tersebut akan dianalisis dan dikaji dengan teliti dan terperinci supaya sistem yang dihasilkan adalah berfungsi dan bersesuaian dengan kehendak pengguna. Maklumat yang dibekalkan oleh pembangun perlu dikenalpasti ketepatan supaya tidak memberi maklumat yang salah kepada pengguna.

**4.3 Fasa Reka Bentuk**

Fasa ketiga iaitu fasa reka bentuk sistem. Fasa reka bentuk dibangunkan suatu model sistem yang menggambarkan sistem sebenar. Dalam fasa ini dapat dilihat proses interaksi yang dilakukan antara pengguna dengan sistem. Dalam fasa ini, pembangun perlu mengenalpasti seni bina komponen laman seperti rajah konteks, rajah aliran data, rajah hubungan entiti (ERD) dan membina kamus data supaya aliran aplikasi web ini dapat dilihat.

#### **4.4 Fasa Pembangunan dan Implementasi**

Fasa keempat pula merupakan fasa implementasi. Pembangunan sistem akan dilaksanakan setelah fasa reka bentuk sistem selesai. Aktiviti yang terlibat dalam fasa ini adalah pengekodan bahasa antara yang digunakan. Pelbagai bahan maklumat dikumpulkan seperti artikel dan gambar diletakkan ke dalam pangkalan data. Enjin carian dibangunkan agar pengguna dapat melakukan carian pakej umrah mereka.

Selain itu, laman pentadbir turut dibangunkan untuk mengemaskini data mengenai pelanggan, pakej umrah dan rekod tempahan ke dalam pangkalan data. Pembangun sistem pada fasa ini adalah secara berperingkat sehingga terbentuknya satu sistem yang lengkap.

#### **4.5 Fasa Pengujian**

Setelah proses pembangunan dilakukan, aplikasi web E-Jawlah ini perlu melalui proses pengujian dari segi pencapaian maklumatnya, pengujian kemasukan data ke dalam pangkalan data serta menguji semua butang dapat berfungsi dengan baik untuk memastikan sistem berjalan dengan lancar dan mencapai objektif sistem ini. Jika terdapat sebarang ralat dan masalah akan terus dibaiki bagi memastikan sistem ini berjalan dengan sempurna. Justeru, sistem ini perlu diuji untuk

mengesan dan menyinkirkan kesilapan dan masalah. Penggunaan kaedah pengujian yang sesuai dapat membantu mereka bentuk data yang digunakan semasa pengujian.

## 5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini bakal menerangkan hasil daripada fasa pembangunan serta pengujian sistem yang telah dibangunkan. Jangka masa yang agak panjang telah diambil untuk memastikan setiap fungsi projek ini mematuhi objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, bab ini juga menerangkan antara muka sistem dengan lebih jelas. Keberkesanan sistem ini telah diuji menggunakan komputer riba untuk mengakses aplikasi web yang digunakan bagi menangani gangguan kebimbangan.

Pembangunan laman web adalah proses perancangan, pembangunan, reka bentuk, pengujian dan penggunaan sesebuah laman web. Kaedah pembangunan laman web yang digunakan untuk E-Jawlah

Implimentasi sistem dilaksanakan berdasarkan kepada analisis serta reka bentuk sistem yang telah dihasilkan pada peringkat analisis dan reka bentuk sistem. Reka bentuk setiap modul akan ditukar kepada kod aturcara yang boleh dilaksanakan. Setiap modul pula akan digabungkan untuk membentuk sistem yang lengkap Oleh itu, aktiviti yang paling penting dijalankan ialah aktiviti pengekodan atau penulisan aturcara kerana ia merupakan aktiviti yang bakal merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat. Namun terdapat juga beberapa aktiviti lain seperti pembinaan dan pengujian pangkalan data serta penyediaan dokumentasi.



Rajah 5.1 Paparan utama E-JAWlah

Pelanggan haruslah melog masuk bagi memulakan tempahan umrah. Sekiranya pelanggan belum berdaftar, mereka perlu memasukkan maklumat terperinci pada paparan daftar.

Rajah 5.2 Paparan Log Masuk

Pelanggan perlu memasukkan alamat email dan kata laluan untuk melog masuk. Sekiranya belum mempunyai akaun, mereka harus mendaftarkan diri dengan menekan bahagian *Register*.

The screenshot shows a registration form with the following fields: Name, Address, Phone No, E-Mail, Password, and Confirm Password. A blue 'REGISTER' button is located at the bottom of the form. The form is set against a light gray background with a white border.

Rajah 5.3 Paparan Mendaftar Pelanggan

Pengguna perlu memasukkan maklumat di ruang yang diberikan. Seterusnya, perlu menekan butang *Register*.

The screenshot displays the homepage of E-JAWLUL, a travel agency. The header includes the logo 'E-JAWLUL' and navigation links for 'Pakej', 'Galeri', and 'Hubungi Kami'. The main content area features a search bar with the text 'SYARIKAT PENERBANGAN' and a list of airlines: 'Senarai syarikat penerbangan yang disediakan oleh E-JAWLAH : Malindo Air, Air Asia, Hariyani Airways'. A green 'Cari' button is positioned to the right of the search bar. Below this is a green banner with the heading 'KELEBIHAN E-JAWLAH' and three columns of text: 'PENGHAYATAN UMRAH', 'LAYANAN DARI HATI', and 'BERLESEN & DIPERCAYAI'. At the bottom, there is a section for 'ANNAUFAL TRAVEL PACKAGE' with a price of 'RM6690.00' and an 'Activate Windows' notification in the bottom right corner.

Rajah 5.4 Paparan Mencari Pakej Umrah

Pelanggan perlulah mengisi ruang yang disediakan dengan jenis penerbangan seperti Air Asia dan langsung menekan butang *Cari* untuk menghantar *request* kepada sistem untuk mencari berdasarkan kehendak pelanggan.



E-JAWLUL

Pakej Galeri Hubungi Kami Irfanizra

**BERSAMA  
MENGGANDAKAN PAHALA  
UMHRAH 2020**  
Surah Al-Azim


Search

agency	package	price	flight	
ALFAJR TRAVEL & TOURS	Pakej Raudhah	RM6000	Air Asia	PILIH
PDC TRAVEL	Pakej MyJimat	RM5350	Air Asia	PILIH
PDC TRAVEL	Pakej MyGolden	RM6450	Air Asia	PILIH
PDC TRAVEL	Pakej MyPremium	RM7850	Air Asia	PILIH
AlFit Travel	maudah	RM5500	airasia	PILIH

Activate Windows  
Go to Settings to activate Windows.

Rajah 5.5 Paparan Senarai Pakej Umrah

Sistem akan menyenaraikan pakej umrah berdasarkan jenis penerbangan yang dipilih oleh pelanggan. Pelanggan boleh mencari penerbangan lain dengan mengisi ruang yang disediakan. Pelanggan boleh menekan butang Pilih sekiranya ingin memilih pakej umrah tersebut



Rajah 5.6 Paparan Maklumat Pakej Umrah

Paparan ini menunjukkan maklumat pakej secara terperinci. Pelanggan perlu memilih tarikh yang masih mempunyai kekosongan. Setelah itu, pelanggan perlu menekan butang **BAYAR**.

The screenshot shows a web form titled "E-JAWLUL" with a user profile "Irfannizar". The form is divided into two main sections: "Personal Information" and "Package Details".

**Personal Information:**

- Name: irfannizar
- FullName: Muhammad Irfan nizar bin Anuar
- Address: no.35 jalan puj 1/12, taman puncak jalli, bandar putra permai
- Email: irfannizaranuar@gmail.com
- tel: +60185808002

**Package Details:**

- ID: 2
- Agency: ALFAJR TRAVEL & TOURS
- Package: Pakej Raudhah
- Price: 6000
- Flight: Air Asia

A green "CHECKOUT" button is located at the bottom center of the form. In the bottom right corner, there is a Windows watermark and a small green button with a right-pointing arrow.

Rajah 5.7 Paparan Maklumat Pelanggan

Pelanggan perlu memastikan maklumat yang tertera adalah betul. Pelanggan boleh membuat pembetulan dengan megubahsuai maklumat tersebut. Pelanggan perlu menekan butang *CHECKOUT* untuk meneruskan pembayaran

**E-JAWLAH**  
The most efficient website for the customer

Invoice #: 123  
Created: 2020/06/16  
Time: 06:14:56pm

ZV-01-02, Zeva Boulevard.  
Persiaran Pinggiran Putra, Equine  
Park  
43300 Seri Kembangan, Selangor

irfannizar  
Muhammad Irfan nizar bin Anuar  
irfannizaranuar@gmail.com  
no.35 jalan puj 1/12, taman puncak jalil, bandar putra  
permai  
+60185808002

**Payment Method**  
Banking


Item	Price
Package	Pakej Raudhah
Agency	ALFAJR TRAVEL & TOURS
Flight	Air Asia
	<b>RM6000</b>

[Print this page](#)



\*please save the receipt for reference. Thank you

Rajah 5.8 Paparan Invois


Pelanggan akan menerima invois yang mempunyai maklumat tempahan. Pelanggan juga akan menerima invois melalui email pelanggan. Pelanggan boleh mencetak invois dengan menekan butang *Print this page*. Invoice akan disimpan di dalam peranti.



Rajah 5.9 Paparan Invois dalam email




Rajah 6.0 Paparan invois dalam PDF



Rajah 6.1 Paparan log masuk

Pengguna harus melog masuk dengan email dan kata laluan yang telah ditetapkan. Kemudian, pengguna harus menekan butang *LOGIN*.



Rajah 6.2 Paparan utama admin

Pengguna akan dibawa kehalaman seperti rajah 7.3 setelah melog masuk.

E-JAWLAH AMS  
ADMIN MANAGEMENT SYSTEM

Admin Details

Username	Fullname	Address	Email	Phone number	Status	
admin97	admin97	10 Boulevard	admin@gmail.com.my	+60123456789	admin/staff	DELETE

0 Trackers

Rajah 6.3 Paparan maklumat admin

E-JAWLAH AMS  
ADMIN MANAGEMENT SYSTEM

Customer Details

Username	Fullname	Address	Email	Phone number	Status	
nizar	Nizar Ahmad bin Suhail	no.35 jalan pu 1/12, taman puncak jali, bandar putra permai	nizar@gmail.com	+0123674399	customer	DELETE
ali	Ahmad Ali bin Mansour	no.35 jalan pu 1/12, taman puncak jali, bandar putra permai	a172423@siswa.ukm.edu.my	+0164598820	customer	DELETE
ifannizar	Muhammad Iffan nizar bin Anwar	no.35 jalan pu 1/12, taman puncak jali, bandar putra permai	ifannizaranuar@gmail.com	+60195808002	customer	DELETE
zuhlismi	Nur Zuhlismi bin Hani	no.35 jalan pu 1/12, taman puncak jali, bandar putra permai	a172276@siswa.ukm.edu.my	+60122996674	customer	DELETE

0


Rajah 6.4 Paparan maklumat pelanggan

ID	Agency	Package	Flight	Price	UPDATE	DELETE
2	ALFAJR TRAVEL & TOURS	Pakej Raudhah	Air Asia	RM4000	UPDATE	DELETE
3	PDC TRAVEL	Pakej MyJamat	Air Asia	RM3990	UPDATE	DELETE
4	PDC TRAVEL	Pakej MyGolden	Air Asia	RM4450	UPDATE	DELETE
5	PDC TRAVEL	Pakej MyPremium	Air Asia	RM7950	UPDATE	DELETE
6	ALFA TRAVEL	maudah	air asia	RM4900	UPDATE	DELETE
8	Annaulfa Travel	Summaya Economy Package	Malindo Air	RM6690	UPDATE	DELETE
9	Annaulfa Travel	Asha Premium Package	Malindo Air	RM7990	UPDATE	DELETE
10	Annaulfa Travel	Khadaja Platinum Package	Malindo Air	RM8990	UPDATE	DELETE
11	Annaulfa Travel	Asha Premium Package	Harani Airways	RM3000	UPDATE	DELETE

Rajah 6.5 Paparan pakej umrah


Pengguna boleh melihat senarai pakej umrah seperti rajah 7.7. Pengguna disamping boleh mengubah suai pakej tersebut dengan menekan butang *UPDATE* dan akan dibawa kehalaman *Update Package*. Pakej umrah boleh dipadam oleh pengguna dengan menekan butang *DELETE*





Rajah 6.6 Paparan *Update Package*


Pengguna perlu menekan semula ruangan yang mempunyai maklumat sedia ada dan mengubahnya. Setelah maklumat diubah, pengguna perlu menekan butang UPDATE untuk memastikan maklumat baru telah dikemaskini.



Order Date	Name	Email	Booking Date	Price	
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	10 hingga 20 Mac 2019	RM6000	DELETE
2020/06/23	Nur Zuhlimi bin Rendi	n172276@esewa.ukm.edu.my	22 Mac hingga 1 April 2019 - Outi Sekolah RM6,599.00	RM6430	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	18 hingga 28 Feb 2019	RM7690	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	28 Feb hingga 10 Mac 2019	RM6000	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	18 hingga 28 Feb 2019	RM6590	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	18 hingga 28 Feb 2019	RM6690	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	18 hingga 28 Feb 2019	RM6690	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	18 hingga 28 Feb 2019	RM6590	DELETE
2020/06/23	Muhammad Irfan Nizar bin Anuar	irfanizanuair@gmail.com	18 hingga 28 Feb 2019	RM6590	DELETE

Rajah 6.7 Paparan Maklumat Tempahan

Pengguna boleh melihat rekod tempahan pelanggan secara terkini. Pengguna juga boleh menekan butang DELETE untuk memadam rekod tempahan pelanggan.



CREATE PACKAGE

Agency

Package

Price


Flight

CREATE

0 Trackers

Rajah 6.8 Paparan Mencipta Pakej Umrah

Pengguna perlu mengisi ruang kosong yang disediakan. Pengguna tidak boleh menekan butang UPDATE sekiranya masih ade kekosongan pada ruang tersebut.



Rajah 6.9 Paparan Log Keluar

Pengguna harus menekan butang LOGOUT untuk keluar dari sistem

## 6 KESIMPULAN

Setelah melalui pelbagai masalah semasa pembangunan sistem, akhirnya aplikasi web E-jawlah berjaya dibangunkan. Walaupun aplikasi web ini mempunyai kekurangan dan kelemahan dan kelemahan yang masih perlu diperbaiki, tetapi kekurangan ini akan diselesaikan pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, aplikasi web E-Jawlah telah mencapai onjektif pembangunannya. Pembangunan aplikasi web E-Jawlah secara tidak langsung telah menambah bilangan umat Islam yang ingin mengerjakan umrah kerana mereka mudah menempaha pakej umrah melalui aplikasi web ini.

Usaha penambahbaikan dan kemaskini sistem diperlukan pada masa hadapan supaya aplikasi web ini dapat meningkatkan keupayaan pengguna dalam menempah pakej umrah serta memudahkan pentadbir untuk mengemaskini data. Selain itu, aplikasi web ini dibangunkan untuk memajukan syarikat agensi umrah dari segi sektor perlancongan dan ini menjadikan negara yang maju dari sudut ekonomi dan teknologi maklumat. Yang menjurus ke arah wawasan 2025

## 7 RUJUKAN

Shen Xinjian. 2009. China's Producer Service Industry under the E-commerce Platform.

Wu Yan ; Huang Shuanggen. 2010. Opinions about the Development of Agricultural e-Commerce in the New Socialism Countryside Construction.

Angtyasti Jiwasiddi. 2016. News website perceived quality; a comparative study for news websites in Indonesia.

Maksy Sendiang. 2018. Optimizing Laravel Authentication Process